

UMP bakal anjur UMP Eco Ride mempromosikan gaya hidup sihat



Pekan, 20 April- Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menganjurkan 1st International UMP Eco Ride 2017 bagi mempromosikan kempen Gaya Hidup Sihat dalam kalangan masyarakat di negara ini sekaligus mempromosikan Tahun Melawat Pahang 2017 pada acara yang bakal berlangsung pada 30 April nanti.

Perjalanan berbasikal itu meliputi beberapa kampung di sekitar Pekan antaranya Sg. Soi, Cherok Paloh, Lamir Ganchong, terus ke jalan Kuantan Muadzam dan berpatah balik melalui Kampung Maulana dan Kampung Marhum menuju ke UMP Pekan.


Lebih 500 peserta telah mengesahkan penglibatan dengan dua kategori iaitu kayuhan sejauh 30 km (fun ride) dan pertandingan kayuhan berbasikal sejauh 120 km sekitar Pekan.



Menurut Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, acara itu pastinya memberi pengalaman menarik buat peserta yang akan berlayuh sambil menikmati keindahan alam selain menguji ketahanan fizikal mereka. Selain itu, bertemakan alam sekitar program ini boleh dijadikan tarikan untuk pengunjung luar datang ke Malaysia, sekaligus mempromosi bidang pelancongan sukan di negara ini.

"Program ini juga sebahagian daripada usaha dalam meningkatkan kesejahteraan warga kampus serta mendokong slogan UMP terhadap memasyarakatkan teknologi dengan melibatkan masyarakat setempat sekitar kampus UMP. Malahan usaha ini seiring dengan usaha melestarikan kampus dengan aktiviti yang menyokong kepada inisiatif penghijauan," katanya.

Beliau turut menghargai sokongan pihak penaja dan kerjasama semua terutamanya daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dan Pusat Sukan dan kebudayaan UMP di atas penganjuran program ini dan mengharapkan ianya berjalan dengan lancar.



Hadir dalam majlis penyerahan tajaan adalah Pengurus Dynamic Motor Sdn Bhd mewakili Isuzu Sdn Bhd, Ketua Pegawai Eksekutif KPJ Pahang Specialist Hospital, Haji Yasser Arafat Ishak, Ketua Pegawai Eksekutif UMP Holdings Sdn Bhd, Syed Mohamad Hamzah AlJunid. Lain-lain penaja Tourism Pahang, Hei Tech Padu Sdn Bhd, Aaina Yaqeen Sdn Bhd, I&P Group Sdn. Bhd, CCM Pharmaceutical Sdn. Bhd, Persatuan Alumni UMP dan lain-lain.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Eco Ride 2017, Prof. Madya Dr Hamzah Ahmad berkata, acara ini dibahagikan kepada dua kategori yang kita sediakan iaitu Eco ride (120 Kilometer) dan Eco Fun Ride (30 kilometer) berdasarkan peringkat umur selain tahap kesihatan yang bersesuaian untuk golongan Profesional, amatur dan penunggang basikal secara santai. Bagi Eco ride terdapat empat kategori yang ditawarkan iaitu Men Master (35 tahun ke atas), Men Open (bawah 35 tahun), MTB open dan Women open.

Lebih menarik semua peserta berpeluang menang cabutan bertuah seperti basikal, televisyen, pakej penginapan di Arabian Bay atau di Bukit Fraser, barang basikal dan hamper. Bersempena dengan itu juga orang ramai dijemput hadir memeriahkan Karnival Eco Fit engan pelbagai acara menarik seperti Fitness Talk, Senamrobik, Eco Walk dan program derma darah yang berlangsung di UMP Pekan.



Disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 21-04-2017, 15:04:20